

'Kita bantu ingatkan mereka dengan beri kompaun'

KUALA LUMPUR - Lima pemilik premis di sekitar Jalan Imbi, di sini, diberi tempoh 14 hari supaya menurunkan papan iklan tulisan Cina yang jelas terpampang di premis mereka.

Menurut Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), semua premis terbabit didapati melanggar Undang-Undang Kecil Iklan Wilayah Persekutuan 1982 dengan meminggirkan bahasa kebangsaan di papan iklan mereka.

Menurutnya, walaupun peraturan itu sudah lama diperkenalkan, namun masih terdapat premis sekitar Bukit Bintang tidak mengendahkan penetapan berkenaan.

"Masih ada tidak faham atau buat-buat lupa kepentingan bahasa Malaysia.

"Melalui satu video tular di media sosial, DBKL turun padang untuk 'menyegarkan' ingatan mereka tentang peraturan ini.

"Ya, nampaknya mereka lebih gemar mempamerkan bahasa lain. Tak apa, kita bantu ingatkan mereka dengan kompaun dan notis penguatkuasaan.

"Sekarang, mereka ada 14 hari untuk turunkan iklan atau tindakan selanjutnya akan menyusul," katanya menerusi perkongsian di laman sosial Facebook rasminya.

Terdahulu, seorang pengguna TikTok sebelum ini men-

dedahkan banyak premis sekitar Bukit Bintang memaparkan papan tanda bertulisan Cina seolah-olah tidak menghormati bahasa kebangsaan.

Selain itu, turut dipersoalkan berkaitan pemantauan DBKL berkenaan isu berkenaan.

Menerusi kenyataan sama, DBKL menegaskan pihaknya akan terus memantau dan memastikan premis lain tak 'terlupa' pada masa akan datang.

DBKL turut meminta kerjasama orang ramai menyalurkan maklumat kepada pihaknya sekiranya mengesan pelanggaran peraturan papan iklan di ibu negara.